

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MOHON HENTIKAN VIRAL INSIDEN KEMALANGAN DI KM75.7 LEBUHRAYA KLK**

**KUALA LUMPUR, 3 Jun 2019** – ANIH Berhad ingin memaklumkan tular mengenai dakwaan berlakunya simbahan minyak di KM75.7 arah timur, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (Lebuhraya KLK) adalah insiden lama.

Ia adalah insiden kemalangan lama membabitkan 7 buah kenderaan yang berlaku pada jam 6.28 petang pada 3 Julai 2017, kesan daripada tumpahan minyak akibat daripada kemalangan di lokasi yang sama sebelumnya.

Sebelum ini, ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya KLK dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) telah pun membuat laporan polis Ibu Pejabat Daerah (IPD) Bentong, Pahang pada Julai 2017 susulan tularnya insiden yang sama di platform media sosial.

Kejadian tular di KM75.7 arah timur (Karak) ini juga adalah insiden kali kedua berlaku pada bulan sambutan perayaan Aidilfitri ini yang membabitkan Lebuhraya KLK. Insiden tular pertama membabitkan dakwaan kononnya terdapat tumpahan minyak antara KM46.2 hingga KM46.8 arah timur (Bukit Tinggi).

Sehubungan itu, sekali lagi, syarikat memohon semua pengguna Lebuhraya KLK supaya tidak terpedaya dengan pihak tertentu yang menyebarkan gambar lama lokasi insiden kemalangan berkenaan.

Orang ramai terutamanya pengguna Lebuhraya KLK juga diminta menghentikan sebarang mesej berkenaan kerana ia boleh menimbulkan kekeliruan serta suasana panik, khususnya apabila ramai yang ingin pulang ke pantai timur untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri ini.

Justeru, pengguna dinasihatkan supaya jangan terpengaruh dengan sebarang viral mengenai insiden di Lebuhraya KLK atau LPT 1, sebaliknya layarilah laman sosial syarikat iaitu Twitter di @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur untuk mengetahui maklumat rasmi mengenai keadaan trafik di lebuh raya.

Syarikat juga turut memohon pengguna untuk menghubungi terus talian hotline ANIH Berhad di 09-547 9111 atau 1700-818-700 sekiranya berdepan atau mendapat maklumat yang berkaitan sebarang aktiviti khianat yang berlaku di dalam jajaran KLK dan LPT 1.

Tamat.

### **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my](mailto:fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[farizal.hajat@mtdgroup.com.my](mailto:farizal.hajat@mtdgroup.com.my)
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[sofia.roseli@mtdgroup.com.my](mailto:sofia.roseli@mtdgroup.com.my)

### **Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6187 5055    Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my)